



Headline	KLHC pintas Maybank		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	192,982
Page No	57	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	188 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,365
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,094



KLHC pintas Maybank

Kuala Lumpur: Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) mengambil alih tangga teratas Divisyen Premier Liga Hoki Malaysia (MHL) daripada Maybank selepas menundukkan lawan berkenaan 4-3 di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, semalam.

KLHC membuka jaringan seawal minit ke-7 menerusi Muhammad Razie Abd Rahim sebelum digandakan pemain import, Akhtar Ali seminit selepas itu. Namun pasukan 'Harimau' kembali mengurangkan defisit jaringan pada minit ke-34 hasil jaringan Mohd Syafiq Mohamed Zain.

Tersentak dengan jaringan itu, KLHC kembali menjarakkan jaringan menerusi Muhammad Umar Bhutta pada minit ke-41

KEPUTUSAN

Liga Hoki Malaysia

- Terengganu 5 Nur Insafi Warriors 1
- TNB 4 UniKL 2
- KLHC 4 Maybank 3

dan Akhtar menambah derita Maybank dengan jaringan kedua peribadinya selang beberapa minit selepas itu.

Kemenangan pertama TNB

Maybank begitupun tidak mudah untuk menyerah kalah dengan menyumbat dua jaringan hasil daripada Dick Cheny Walli (m-59) dan Muhammad Irfan merapatkan

kedudukan pada minit ke-66.

Pada perlawanan sebelah petangnya, Tenaga Nasional Berhad (TNB) mencatat kemenangan pertama daripada tiga perlawanan menewaskan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) 4-2 untuk berada di tangga ke-3 carta.

Begitupun bagi jurulatihnya Nor Azlan Bakar, pasukannya tidak boleh berasa terlalu selesa memandangkan hari ini mereka bakal menghadapi satu lagi perlawanan bertemu Sapura.

